



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

28 Sep2021 (Tuesday)

Berita Harian

Raih RM107.5 bilion dalam enam bulan	1
Senarai guru KAFA tolak vaksin diserahkan kepada Sultan Selangor	2
Ketua ajaran PMYT taubat secara terbuka	3

Utusan Malaysia

Pengasas ajaran PMYT umum bertaubat	4
Gergasi Merah menang nasib	5

Harian Metro

'Saya kembali ke pangkal jalan, amal Islam sebenar'	6
---	---

Kosmo

Isu slot janji temu kahwin di Selangor selesai dua minggu lagi	7
Malaysia komited jadi negara mesra pelabur	8
'Saya sudah insaf, janji tak ulang lagi'	9

Sinar Harian

Ketua Ajaran PMYT lafaz taubat	10
Belum masa naikkan caj beg plastik	11
Penduduk desak warta jalan rizab kampung	12
Tuah Selangor FC	13

Selangor TV

Kerjasama Worldwide Holdings-MPK Sediakan Kemudahan Pelupusan Sisa Holistik Di Selangor	14
Ketua Ajaran Sesat PMYT Isytihar Taubat	15
MB Seru Rakyat Lengkap Vaksin Teroka Pelancongan Selangor	16

Sinar FM

Selangor Mungkin Akan Menaikkan Caj Beg Plastik	17
---	----

TV3

Tonjolkan Potensi Selangor Sebagai Hab Serantau Aeroangkasa, Penerbangan	18
--	----

The Star

'Ampang food court project will go ahead'	19
FEEDBACK NEEDED	20
Old water pipes to be replaced in three sections of PJ from this week	21
PUBLIC COMPLAINTS APP	22
Lifting border control under study	23

China Press

Illegal recycling plant polluted river, the garbage will flow into river when rain	24
--	----

Sin Chew Daily

Ean Yong Hian Wah : Many areas in Serdang flooded for first time due to unusually high amounts of rainfall	25
Not replaced for 60 years, leading to frequent bursts; Petaling city to replace water pipes soon	26



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Illegal recycling factory occupied land for 8 years; Cover-up by officials suspected	27
Lei Wei Chang service centre at Jalan Sahabat closed; New service centre located at Pandan Indah	28
Rajiv : Walk-ins increase crowds; Should let students who dropped out make appointments through MySJ	29

Guang Ming Daily

A waste recycling plant has not been banned after 8 years of operation, it is suspected that there is official protection behind it.	30
CAC in Bandar Mahkota Cheras will be closed on Friday	31
Repair of bursting water pipes is completed, water supply is restored in 41 districts of Gombak.	32
Sudden heavy rains in various areas of Seri Kembangan caused flooding; Ean Yong Hian Wah handed over assistance to residents	33



KERATAN AKHBAR		
28 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Raih RM107.5 bilion dalam enam bulan
Muka Surat	:	18

Sidang Dewan Rakyat

Raih RM107.5 bilion dalam enam bulan

Kerajaan terus laksana tiga pendekatan utama cerdasan ekonomi negara

Oleh **Mohd Iskandar Ibrahim**
 mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia menarik pelaburan sebanyak RM107.5 bilion merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata jumlah itu menunjukkan lonjakan ketara sebanyak 69.8 peratus berbanding RM63.3 bilion yang dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lalu.

“Daripada jumlah pelaburan ini, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang 58.1 peratus atau RM62.5 bilion berbanding RM19.8 bilion bagi tempoh sama 2020.

“Pelaburan langsung domestik

(DDI) menyumbang sebanyak 41.9 peratus atau RM45.1 bilion. Pelaburan ini membabitkan 2,110 projek dan dijangka mewujudkan hampir 45,000 peluang pekerjaan baharu,” katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Wan Hassan Mohd Ramli (PAS-Dungun) yang meminta kerajaan menyatakan rancangan strategik untuk terus menjadikan Malaysia negara mesra pelabur pasca COVID-19.

Mohamed Azmin berkata, daripada keseluruhan FDI, sektor perkilangan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu RM58.2 bilion atau 93.1 peratus daripada jumlah kelulusan.

Sektor perkhidmatan dan utama pula masing-masing merekodkan pelaburan RM2.16 bilion atau 3.5 peratus dan RM2.15 bilion atau 3.4 peratus.

“Kerajaan akan terus mengambil tiga pendekatan utama dalam mencerdaskan ekonomi negara iaitu pertama, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

(PICK) sebagai pemangkin untuk membuka semula ekonomi secara selamat dan bersestematik.

“Kementerian turut menerajui pelaksanaan Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang bertujuan mempertingkatkan kadar vaksinasi pekerja sektor pembuatan.

“Hingga 25 September lalu, seramai 1.06 juta pekerja diberi temu janji di bawah PIKAS yang mana 1,000,826 pekerja sudah diberikan dos pertama, manakala 899,626 pekerja mendapat imunisasi penuh,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan terus memperkukuhkan asas ekonomi negara menerusi pelaksanaan dasar perdagangan dan pelaburan terbuka, telus serta mesra perniagaan.

“Malaysia akan terus menyasarkan pelaburan berkualiti tinggi, berorientasikan teknologi termaju, berpandukan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang turut memberi fokus kepada kelestarian jangka masa panjang,” katanya.



Mohamed Azmin



KERATAN AKHBAR

28 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Senarai guru KAFA tolak vaksin diserahkan kepada Sultan Selangor
Muka Surat	:	22

Senarai guru KAFA tolak vaksin diserahkan kepada Sultan Selangor

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menyerahkan senarai nama guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) yang menolak vaksin COVID-19 kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj minggu ini.

Turut akan diserahkan adalah senarai nama ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan surau serta Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam yang enggan menerima pelalian berkenaan.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, berkata beberapa tindakan juga akan turut diusulkan kepada baginda.

“Saya akan melaporkan kepada Tuanku dalam minggu ini, nanti saya maklumkan hasil perbincangannya.

“Saya juga akan usulkan beberapa tindakan dan ia adalah usul yang positif kerana kita bukan mahu menghukum, sebaliknya kita mahu mereka ambil vaksin.

“Kalau nak hukum, saya su-

dah keluarkan surat, tapi kita pujuk mereka dan kalau mereka tidak mahu (berkeras menolak vaksin), baru kita teruskan (tindakan),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pengisytiharan Taubat (Istitabah) Masitah Ab Jalar, wanita yang mendakwa dirinya Ketua Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Terdahulu pada 22 September lalu, Sultan Selangor menzahirkan rasa dukacita dan amat kecewa apabila dimaklumkan hanya 203 daripada 873 guru KAFA, AJK masjid dan jurunikah di negeri ini hadir pada sesi program vaksinasi khas COVID-19 Frontliner JAIS.

Menerusi kenyataan dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office, baginda dilaporkan lebih dukacita apabila 96 daripada 203 yang hadir menolak untuk divaksin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Ketua ajaran PMYT taubat secara terbuka
Muka Surat	:	26

Ketua ajaran PMYT taubat secara terbuka

Pengisytiharan 'istitabah' diatur JAIS atas persetujuan Masitah

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Wanita yang mendakwa dirinya Ketua Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT), Masitah Ab Jalar atau Sittah Annur, 39, mengumumkan pengisytiharan taubat atau 'istitabah' secara terbuka semalam.

Pengisytiharan itu dibuat di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini sambil disaksikan empat individu.

Empat saksi berkenaan ialah Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir; Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dr Ahmad Shahir Makhtar; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad dan wakil Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mohd Ansarulah Mohd Hashim.



Majlis pengisytiharan taubat oleh Masitah disaksikan Anhar Opir (kiri) dan Mohd Shahzihan (kanan) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam. (Foto Amirudin Sahib/BH)

Yang turut hadir adalah suami dan anak-anak Masitah.

Mohd Shahzihan berkata, JAIS sebelum ini meneliti dan memperhalusi setiap pernyataan dalam video milik wanita berkenaan yang dikongsi di laman sosial sebelum hasilnya kemudian dirujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor.

"Mufti Selangor memperakukan perbuatan dan pernyataan Masitah adalah bertentangan dengan hukum syarak, justeru

disyaki bersalahan dengan Seksyen 7 dan Seksyen 8(b) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995.

"Masitah kemudian dipanggil menghadiri sesi penjelasan bersama tiga panel pakar akidah yang dilantik JAIS pada 20 September lalu dan hasil sesi penjelasan itu, dia akur dan insaf.

"Dia juga menyesal dengan perbuatannya yang bercanggah dengan hukum syarak serta me-

nyeleweng dan menyimpang dari akidah Ahli Sunah Waljamaah," katanya.

Katanya, majlis pengisytiharan taubat itu diatur JAIS atas persetujuan wanita berkenaan tanpa paksaan demi menjelaskan kepada umum, khususnya individu atau pihak yang percaya dan berpegang kepada pernyataan mimpinya untuk turut bersama-sama mengakui kekhilafan, bertaubat serta kembali kepada prinsip Islam yang benar.



KERATAN AKHBAR		
28 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pengasas ajaran PMYT umum bertaubat
Muka Surat	:	8

Pengasas ajaran PMYT umum bertaubat



SHAH ALAM: Pengasas fahaman 'Perjalanan Mimpi Yang Terakhir' (PMYT), S'ttah An Nur akhirnya mengakui ajaran dan kenyataannya yang tular dalam media sosial sebelum ini sebagai bertentangan dengan akidah Islam dan menyeru mereka yang terpengaruh agar kembali semula kepada ajaran Islam sebenar.

S'ttah An Nur atau nama sebenarnya Masitah Ab. Jalar juga mengakui kenyataan dibuat secara itu terkeluar daripada pemahaman manusia pada lazimnya mengenai mimpi dan boleh menyebabkan kekeliruan dan mengugat ketenteraman awam.

"Saya menyedari perlakuan saya adalah suatu penyertaan yang bertentangan dan bercanggah dengan prinsip aliran akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan boleh mencetuskan perbuatan tidak mengikut atau melampaui aturan Islam sebagai agama yang sempurna serta lengkap dalam



MASITAH Ab. Jalar melakukan pengisytiharan taubat (istitabah) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

mengatur kehidupan umatnya.

"Saya menyesali, menginsafi dan berjanji kepada diri, tidak akan mengulangi dengan apa juga cara yang boleh membawa kepada keadaan yang dinyatakan. Dengan ini saya bertaubat, kembali ke pangkal jalan mengamalkan ajaran Islam berdasarkan sumber pengetahuan dan ilmu yang benar," katanya.

Wanita itu melafazkan demikian dalam Majlis Pengisytiharan Taubat (Istitabah) yang diadakan di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Dalam lafaz itu, Masitah turut mengucapkan dua kalimah syahadah dan memberitahu melakukan pengisytiharan tersebut dengan rela hati tanpa ada paksaan daripada mana-maha individu.

Pengisytiharan taubat itu disaksikan oleh Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad; Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dr. Ahmad Syahir Makhtar dan Pengarah Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah, Mohd. Anzor Rullah Mohd. Hassim sebagai saksi.

Dalam pada itu, Mohd. Shahzihan memberitahu, pengisytiharan itu dibuat selepas Masitah membuat pengakuan berhubung fahamannya mengenai PMYT di hadapan panel yang dilantik oleh Jais pada 20

September lalu.

Masitah menjelaskan, fahaman sedemikian adalah bertentangan dengan Seksyen 7 (Doktrin Palsu) dan Seksyen 8 (Dakwaan Palsu), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

"Semoga keikhlasan berlaku terhadap Masitah, semoga dia dan pengikutnya diampunkan," jelasnya.

Mohd. Shahzihan menambah, jika Masitah mengingkari lafaz taubatnya dan masih berpegang dengan fahaman terbit, dia boleh didenda RM5,000, penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, sehingga kini terdapat tiga ajaran sesat yang sedang dipantau dengan penguatkuasaan undang-undang terhadapnya seperti ajaran Ummu Jah yang dikaitkan dengan Al-Arqam, ajaran Haji Kahar berhubung 'Rasul Melayu' dan PMYT.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Gergasi Merah menang nasib
Muka Surat	:	47

Gergasi Merah menang nasib

OLEH ROZAIDI ZULKIFLI
 rozaidi.zulkifli@mediamula.com.my

PETALING JAYA: "Selangor bernasib baik."

Itu kata-kata yang keluar dari mulut pengendali *Red Giants*, Karsten Neitzel selepas pasukannya memerlukan sepakan penalti ketika menumpaskan Perak 1-0 dalam aksi pembukaan Piala Malaysia kelmarin.

Dicanang sebagai pilihan untuk menjuarai Piala Malaysia 2021 dan turun dengan misi memburu kejuaraan ke-34, Selangor bagaimanapun bergelut untuk menumpaskan *Bos Gaurus*, pasukan kedua tercorot Liga Super yang tersingkir ke Liga Perdana musim depan.

Kata Neitzel, Perak mempunyai dua peluang terbaik pada babak pertama ketika anak-anak buahnya pula melakukan banyak kesilapan hantaran, selain kehilangan Oliver Buff.

"Apa yang penting kami dapat tiga mata untuk permulaan Piala Malaysia. Sejajurnya kami bernasib baik terutama pada babak pertama apabila lawan mempunyai dua peluang terbaik untuk menjaringkan gol.

"Kami menguasai perlawanan tetapi banyak melakukan kesi-



PEMAIN Selangor meraikan sepakan penalti Ifedayo Olusegun yang membawa kepada kemenangan 1-0 ke atas Perak dalam aksi pembukaan Kumpulan B, Piala Malaysia di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

lapan dari segi hantaran terutama pada babak pertama. Hantaran jauh lawan berbahaya termasuk Nana Poku (penyerang Perak).

"Selepas kehilangan Oli pada minit ke-25, jentera tengah sedikit longgar. Kami perlu memperbaiki kelemahan dan mempersiapkan diri untuk perlawanan seterusnya berdepan Terengganu," katanya.

Selangor bernasib baik memperoleh sepakan penalti pada minit ke-80 dan ia disempurnakan penjaring terbanyak Liga Super, Ifedayo Olusegun.

Sementara itu, jurulatih Perak, Shahril Nizam berpuas hati dengan prestasi pemainnya dalam perlawanan tersebut.

"Secara keseluruhan saya

amat berpuas hati walaupun kita tewas. Dari yang saya rancang mereka melakukannya dengan baik.

"Sedikit kesilapan membuat kita dihukum. Pada separuh masa pertama kita mempunyai beberapa peluang dan sepatutnya diterjemahkan menjadi gol tapi inilah bola sepak," ujarnya.



KERATAN AKHBAR 28 September 2021		
Akbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Saya kembali ke pangkal jalan, amal Islam sebenar'
Muka Surat	:	6

Oleh Skuad Khas
 Harian Metro
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

"Saya insaf bahawa tiada jalan pintas ke syurga melainkan dengan keyakinan akidah Islam dan melaksanakan kebaikan amal makruf nahi mungkar dengan cara baik dan bijaksana berlandaskan prinsip-prinsip pelaksanaannya," kata pengasas ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) Masitah Ab Jalal.

Wanita berusia 39 tahun yang menggunakan gelaran Sittah Annur itu tampil mengaku bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam dan mengucap dua kalimah syahadah, semalam.

Pada majlis di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di sini, semalam, dia membuat pengakuan itu di hadapan empat saksi utama dan mengakui kekhilafan dirinya yang mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Katanya, dia mengakui sudah menyatakan kepada umum bahawa berdasarkan mimpinya, dia diberitahu Allah SWT bahawa dirinya mengetahui tentang sesuatu peristiwa yang bakal berlaku.

"Saya menyatakan kepada umum bahawa di dalam dan berdasarkan mimpi bahawa saya diberitahu cara kematian saya, abang kandung saya dan anak saya."

"Saya menyatakan berdasarkan mimpi bahawa saya akan menyelamatkan mereka yang melarikan ahli neraka atau ahli maksiat dari

'Saya kembali ke pangkal jalan, amal Islam sebenar'

Pengasas ajaran PMYT tampil mengaku bertaubat dan seru pengikut ikut sama

dimasukkannya ke neraka di hari pembalasan nanti," katanya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Mufti Selangor Datuk Dr Anhar Opir, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor Dr Ahmad Shahr Makhtar, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Datuk Mohd Shahzihan Ahmad dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Penguatkuasaan Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Mohd Ansarullah Hashim.

Masitah berkata, dia sedar bahawa kenyataannya itu

menyebabkan kegusaran awam, kekeliruan, kecemasan dan boleh menyebabkan kecenderungan kepada gangguan gugat, keamanan dan ketenteraman awam.

"Saya menginsafi dan berjanji dengan diri saya bahawa saya tidak akan mengulangi apa jua cara yang boleh membawa kepada keadaan yang dinyatakan."

"Dengan ini saya bertaubat, kembali ke pangkal jalan, mengamalkan ajaran Islam berdasarkan sumber pengetahuan dan ilmu yang benar."

"Saya insaf bahawa tiada jalan pintas ke syurga melainkan dengan keyakinan akidah Islam dan melaksanakan kebaikan amal makruf nahi mungkar dengan cara baik dan bijaksana berlandaskan prinsip-prinsip pelaksanaannya."

"Justeru, saya meminta dan menyeru kepada semua pihak atau mana-mana individu yang mendengar, mengikut dan mempercayai penyertaan tentang mimpi saya agar segera menghentikan apa-apa bentuk kepercayaan atau keyakinan berdasarkan kenyataan saya itu dan kembali kepada Islam," katanya.

Dia turut menyeru kepada semua pihak supaya merujuk kepada guru yang betul atau berhubung terus dengan pihak berkuasa agama seperti Jakim, Jabatan Mufti serta jabatan agama Islam negeri masing-masing bagi mendapatkan penjelasan mengenai perkara berkaitan kepercayaan agama Islam.

Dengan pengakuannya itu, Masitah, ahli keluarga dan pengikut kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Bermula 29 Ogos lalu, laporan eksklusif bersiri Harian Metro melaporkan seorang wanita berusia 39 tahun yang menggunakan gelaran Sittah Annur didakwa mula mengembangkan

ajaran PMYT yang dipercayai bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Ramalan termasuk Perang Dunia Ketiga kononnya berlaku di Sabah sebelum dia memimpin pasukannya untuk mencari Imam Mahdi bagi melawan musuh mengundang reaksi badan-badan kerajaan dan agamawan mengenai isu itu.

Mesyuarat Khas Muzakarah Kebangsaan Mengenai Hal-Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 15 September lalu memfatwakan PMYT sebagai haram dan mempersempatkan keputusan itu kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah untuk pewartaan.

KRONOLOGI LAPORAN PMYT DI HARIAN METRO

- 29 Ogos 2021** - Metro Ahad mendedahkan ajaran PMYT dipelopori seorang wanita bergelar Sittah Annur
- 30 Ogos** - Agamawan menyifatkan ajaran PMYT karut dan khurafat
- 31 Ogos** - Pakar menyifatkan ajaran PMYT umpama bom jangka yang boleh meledak pada bila-bila masa dan harus ditangani
- 1 September** - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwah Agama) Idris Ahmad menegaskan kerajaan tidak akan berkompromi dengan sebarang ajaran sesat termasuk PMYT
- 2 September** - Kementerian Dalam Negeri mengarahkan polis mengambill tindakan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) berhubung ajaran PMYT
- 3 September** - Ketua Polis Negara Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani mengesahkan pihaknya sedang mengumpul maklumat dan melakukan siasatan terperinci
- 4 September** - PMYT dikesan mensasarkan pengikut dari negara nusantara. Dianggarkan 2,000 pengikut termasuk di Indonesia dan Brunei
- 5 September** - Pengasas PMYT ditahan dan polis membongkar sumbangan pengikutnya berjumlah RM84,721.42
- 6 September** - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwah Agama) Datuk Ahmad Marzuk Shaary meminta pengikut Sittah Annur menyerah diri kepada pihak berkuasa
- 7 September** - Polis akan menyambung reman pengasas PMYT untuk membantu siasatan
- 8 September** - Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) meminta orang ramai membuat aduan kepada pihak berwajib jika mempunyai maklumat mengenai PMYT atau ajaran sesat yang lain
- 16 September** - Mesyuarat Khas Muzakarah Kebangsaan Mengenai Hal-hal Ehwah Ugama Islam Malaysia (MKI) memfatwakan PMYT sebagai haram dan mempersempatkan keputusan itu kepada Yang di-Pertuan Agong





KERATAN AKHBAR 28 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Isu slot janji temu kahwin di Selangor selesai dua minggu lagi
Muka Surat	:	4

+ Isu slot janji temu kahwin di Selangor selesai dua minggu lagi

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

SHAH ALAM – Isu berkaitan kesukaran untuk mendapatkan slot janji temu permohonan kebenaran perkahwin di Selangor akan diselesaikan dalam tempoh dua minggu lagi.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, langkah akan diambil bagi mengatasi kepadatan sesuatu kawasan yang menyebabkan slot janji temu sukar diperolehi oleh bakal pengantin.

Katanya, masalah juga tidak akan timbul meskipun terdapat jurunikah yang tidak mengambil vaksin kerana jumlahnya sedikit iaitu hanya sembilan orang.

“Kita akan tambah slot daripada sebelum ini masing-masing sebanyak tiga bagi sesi pagi dan petang kepada empat sesi bagi kedua-dua waktu itu.

“Majlis nikah juga boleh diadakan di masjid dengan imam datang ke masjid selain di JAIS,” katanya ketika ditemui selepas majlis pengisytiharan taubat Ketua Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT), Masitah Ab. Jalar, di sini semalam.

Beliau bagaimanapun, tidak menyatakan jumlah keseluruhan jurunikah yang ada di Selangor.

Kosmo! pada 18 September



PASANGAN di Selangor yang ingin bernikah sukar untuk mendapatkan slot janji temu permohonan kebenaran perkahwin. – GAMBAR HIASAN



KERATAN Kosmo! 18 September 2021.

lalu melaporkan, hanya 75 slot janji temu bagi permohonan kebenaran perkahwin dibuka ke-

pada umum ketika ini selaras dengan keupayaan semasa JAIS yang terikat dengan prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dalam perkembangan berbeza, Mohd. Shahzihan menjelaskan beberapa syor tindakan kepada guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), ahli jawatankuasa masjid dan jurunikah yang menolak untuk divaksinasi akan dipersembahkan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah minggu ini.



KERATAN AKHBAR
28 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Malaysia komited jadi negara mesra pelabur
Muka Surat	:	6

Malaysia komited jadi negara mesra pelabur

PETALING JAYA – Kerajaan komited mempergiatkan usaha menarik pelaburan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi memberi manfaat kepada agenda sosioekonomi negara.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 Malaysia berjaya menarik pelaburan bernilai RM107.5 bilion meliputi sektor kilang, perkhidmatan dan utama.

“Jumlah ini merekodkan lonjakan ketara sebanyak 69.8 peratus berbanding 63.3 peratus bagi tempoh yang sama.

“Daripada jumlah pelaburan tersebut, Pelaburan Langsung Asing (FDI) menyumbang 58.1 peratus atau RM62.5 bilion iaitu tiga kali ganda FDI diluluskan berbanding tempoh sama pada 2020 iaitu sebanyak RM19.8 bilion,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Selain itu Pelaburan Langsung Domestik (DDI) menyumbang 41.9 peratus atau RM45.1 bilion melibatkan 2,110 projek yang dijangka mewujudkan



AZMIN

hampir 45,000 peluang pekerjaan baharu.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika menjawab soalan Wan Hassan Mohd Ramli (**Pas-Dungun**) berhubung rancangan kerajaan dalam menarik pelaburan terutamanya melibatkan syarikat gergasi antarabangsa.

Dalam pada itu, menjawab soalan Fong Kui Lin (**PH-Bukit Bintang**) beliau tidak menolak terdapat syarikat asing yang bertindak menarik pelaburan mereka di Malaysia disebabkan penularan Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Saya sudah insaf, janji tak ulang lagi'
Muka Surat	:	9

SITTAH ANNUR **AKHIRNYA** **BERTAUBAT »9**

Ketua ajaran PMYT seru semua pengikut kembali kepada ajaran Islam yang sebenar



Sittah Annur seru pengikut PMYT supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar

'Saya sudah insaf, janji tak ulang lagi'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Ketua ajaran Perjalanan Mimpai Yang Terakhir (PMYT) yang dikenali sebagai Sittah Annur meminta semua pengikutnya supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar.

Sittah atau nama sebenarnya, Masitah Ab. Jalar, 39, berkata, dia menyedari pelakuannya ber-canggah dengan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan boleh mencetuskan perbuatan melampaui aturan Islam sebagai agama yang sempurna.

"Saya juga menyedari pernyataan mengenai mimpi sebelum ini telah menyebabkan kegusaran, kekeliruan, kecemasan dan boleh menyebabkan kecenderungan ganggu gugat ketenteraman awam.

"Oleh demikian, saya menginsaf, menyesali dan berjanji kepada diri saya bahawa saya tidak akan mengulangi dengan apa jua cara yang boleh membawa kepada keadaan dinyatakan.

"Mana-mana individu yang mendengar, mengikuti, mempercayai tentang mimpi itu diminta agar segera menghentikan apa-apa bentuk kepercayaan atau keyakinan yang terbina berdasarkan kenyataan dengan kembali kepada Islam yang sebenar," katanya ketika mengisytiharkan taubat itu.

Majlis pengisytiharan taubat



MASITAH hadir pada majlis pengisytiharan taubat di Shah Alam semalam.

itu diadakan di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Masitah kemudian menandatangani dokumen pengisytiharan taubat itu sambil disaksikan Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad dan Pengarah Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan Pendakwaan Syariah Jabatan Kemajuan Islam



KERATAN Kosmo 5 September 2021.

Malaysia, Mohd. Anzor Rullah Mohd. Hassim.

Turut menandatangani dokumen pengisytiharan taubat itu adalah Setiausaha Majlis Agama

Islam Selangor, Dr. Ahmad Shahir Makhtar.

Dalam pada itu, Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad memberitahu, pihaknya akan terus memantau Masitah berikutan terdapat kes-kes sebelum ini yang kembali kepada perbuatan lama mereka.

Tegas beliau, pengisytiharan itu tidak akan membatalkan mana-mana seksyen iaitu Seksyen 7 dan Seksyen 8 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

dan fatwa yang dibuat atau akan difatwakan.

"Tindakan dibuat atas dasar persetujuan Masitah pada sesi penjelasan bersama tiga panel yang dilantik JAIS pada 20 September lalu.

"Alhamdulillah, selepas diperjelaskan, Masitah akur menerima dan menginsafi kekhilafannya serta bersetuju melakukan istibah," katanya

Jelas beliau, pengisytiharan taubat itu bukan perkara baharu dan pernah dilakukan oleh balu Pengasas al-Arqam, Hatijah Aam atau Ummu Jah dan Abdul Kahar Ahmad yang mengaku sebagai 'Rasul Melayu'.

"Pendekatan ini (istibah) digunakan kerana kami mahu menyelamatkan Masitah dan kawan-kawannya selain tidak mahu mengambil tindakan yang menjadikan seseorang itu semakin jauh daripada Tuhan," ujarnya.

Ditanya sama ada pengikut Masitah akan membuat pengisytiharan sama, Mohd. Shahzihan berkata, perkara itu tidak perlu, namun mereka perlu bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang wanita yang dikaitkan dengan ajaran sesat PMYT ditahan di sebuah rumah di Shah Alam selepas polis menerima laporan berhubung video yang dimuatnaikannya pada Ogos lalu.



KERATAN AKHBAR		
28 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ketua Ajaran PMYT lafaz taubat
Muka Surat	:	11

Berakhirnya perjalanan mimpi

KETUA Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) Sittah Annur, 39, mengumumkan taubat (Istilah) secara terbuka di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam pada Isnin.

Sittah atau nama sebenarnya Masitah Ab Jalar melafazkan taubat itu dan menandatangani dokumen pengisytiharan taubat di hadapan Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

Masitah turut berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut dan mengakui semua perbuatan sebelum ini menyalahi hukum agama Islam dan melanggar pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



14

Ketua Ajaran PMYT lafaz taubat

Tandatangan dokumen pengisytiharan taubat di hadapan empat saksi.

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**

SHAH ALAM

Ketua Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) Sittah Annur, 39 mengumumkan pengisytiharan taubat (Istilah) secara terbuka di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Isnin.

Sittah atau nama sebenarnya Masitah Ab Jalar melafazkan taubat dan menandatangani dokumen pengisytiharan taubat di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di hadapan empat saksi.

"Saya Masitah Ab Jalar, sesungguhnya membuat pengisytiharan ini dengan suci hati, penuh keinsafan dan keikhlasan,

sesungguhnya tiada sebarang paksaan dari mana-mana individu atau mana-mana pihak.

"Dengan kesedaran diri sendiri bahawa saya sebelum ini mengeluarkan suatu pernyataan yang bertentangan dengan hukum syarak dan ia juga suatu yang terkeluar dari pemahaman manusia pada lazimnya tentang mimpi saya.

"Antaranya, saya telah menyatakan kepada umum bahawa berdasarkan mimpi, saya telah diberitahu oleh ALLAH SWT bahawa saya adalah seorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa yang bakal berlaku," antara lafaz taubat Masitah.

Pengisytiharan taubat Masitah dilafazkan di hadapan Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

Dua lagi saksi ialah Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dr Ahmad Shahir Makhtar dan wakil Ketua



Masitah ketika melafazkan taubat dan menandatangani dokumen pengisytiharan taubat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada Isnin.

Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Mahd Ansurullah Mohd Hashim.

Masitah dalam lafaz taubatnya berkata, pelbagai lagi perkara yang bercanggah dengan hukum syarak atau syariat Islam menjadi pegangan dan sandarannya.

Sehubungan itu, Masitah mengakui sangat menyesal di atas

perbuatannya malah berjanji tidak akan mengulangi dengan apa juga cara yang boleh membawa kepada keadaan yang dinyatakan.

"Dengan ini saya bertaubat, kembali ke pangkal jalan, mengamalkan ajaran Islam berdasarkan sumber pengetahuan dan ilmu yang benar," katanya.

Pada masa sama, beliau meminta mana-mana individu men-

engar, mengikuti, mempercayai dan pernyataan tentang mimpinya, agar segera menghentikan apa-apa bentuk kepercayaan atau keyakinan yang terbina berdasarkan pernyataannya serta kembali kepada Islam yang benar.

Sementara itu, Mohd Shahzihan berkata, JAIS sebelum ini meneliti dan memperhalusi setiap pernyataan di dalam video-video milik Masitah yang dikongsi di laman sosial.

"Dapatan JAIS kemudiannya dirujuk ke Jabatan Mufti Negeri Selangor dan diperakukan Sahibus Samahah Datuk Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor bahawa perbuatan dan penyataan Masitah bertentangan dengan hukum syarak.

"Pernyataan Masitah adalah satu perbuatan yang disyaki bersalahan dengan Seksyen 7 dan Seksyen 8(b) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995," katanya kepada pemberita selepas berakhir sesi pengisytiharan taubat Masitah.



KERATAN AKHBAR		
28 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Belum masa naikkan caj beg plastik
Muka Surat	:	23

Belum masa naikkan caj beg plastik

Sambut baik inisiatif kerajaan Selangor namun kurang setuju caj beg plastik dinaikkan

Oleh **ENGKU SHARIFUL AZNI**

SHAH ALAM

Rata-rata penduduk Selangor menerima baik inisiatif kerajaan negeri untuk mengkaji semula caj beg plastik bagi menjaga kelestarian alam sekitar namun menolak caj tersebut dinaikkan daripada kadar semasa iaitu 20 sen sehelai.

Tinjauan *Sinar Harian* di Selangor mendapati rakyat ber-setuju cadangan mengkaji semula polisi penggunaan beg plastik sebagai sokongan terhadap kerajaan negeri yang ingin menjaga kelestarian alam sekitar.

Namun, segelintir dari mereka kurang bersetuju jika caj beg plastik sedia ada dinaikkan kepada kadar yang lebih tinggi ke-

rana ia dilihat kurang sesuai untuk dilaksanakan terutamanya dalam suasana pandemik Covid-19.

Nor Amira Amizan, 27, berkata, kenaikan caj beg plastik dilihat tidak wajar dilaksanakan kerana hanya segelintir rakyat yang mempunyai beg kitar semula untuk digunakan ketika membeli barangan harian.

Dia yang tinggal di Subang Jaya juga mencadangkan supaya kerajaan Selangor menggunakan hasil kutipan caj beg plastik tersebut bagi menghasilkan beg kitar semula dan diberikan kepada rakyat yang kurang berkemampuan secara percuma.

"Rakyat biasa mungkin boleh bawa beg sendiri untuk membeli barangan harian tapi sebaliknya pula bagi individu kurang berkemampuan atau gelandangan yang mungkin tidak memiliki beg berkenaan.

"Kalau betul kerajaan Selangor tegas berkenaan pengurangan beg plastik untuk menjaga alam sekitar, mungkin mereka boleh berikan beg kitar



NOR AMIRA



ADAM DANIAL



AHMAD SHAHIDDAN

semula secara percuma kepada rakyat yang memerlukan sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu, Adam Danial Razali, 24, bersetuju kerajaan Selangor meneruskan usaha berkempen untuk mengurangkan penggunaan beg plastik kerana ia tidak sukar untuk dilaksanakan.

Ujarnya, kerajaan Selangor boleh mencontohi beberapa pasar raya di Melaka yang tidak menyediakan beg plastik sebaliknya mereka menggantikannya dengan beg kitar semula dan beg kertas.

"Jika caj beg plastik dinaik-

kan sekalipun, ada segelintir individu yang mampu membayar caj tersebut, namun ia tidak akan kekal lama kerana dikhuatiri akan membebaskan mereka pada kemudian hari dan akhirnya membawa beg sendiri," katanya.

Bagi Ahmad Shahiddan Saidi, 35, kerajaan negeri perlu memikirkan cara lain untuk berkempen tentang pe-

ngurangan penggunaan beg plastik selain daripada meningkatkan caj barangan tersebut.

Katanya, walaupun peningkatan caj tersebut bertujuan untuk menunjukkan ketegasan kerajaan Selangor dalam kempen itu, segelintir rakyat masih mampu untuk membayar caj berkenaan.

"Kalau caj dinaikkan sekali-pun, rakyat masih mampu bayar kerana bukan semua ada beg kitar semula dan membawanya untuk membeli barangan.

"Saya setuju kerajaan negeri naikkan caj tersebut, tapi mereka perlu fikirkan cara lain bagi menunjukkan ketegasan mereka terhadap penjagaan alam sekitar," katanya yang tinggal di Kajang.



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.



KERATAN AKHBAR
28 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk desak warta jalan rizab kampung
Muka Surat	:	23

Penduduk desak warta jalan rizab kampung

